



ABADIKAN KENANGAN ... Dr. Harun (empat dari kiri) merakam kenangan bersama para pemenang 'Eco Campus, Eco Run 2013'.

NET 2.12.13 II

400 pelajar UMS sertai 'Eco Campus, Eco Run 2013'

KOTA KINABALU: Lebih 400 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) dari pelbagai jurusan menyertai program larian 'Eco Campus, Eco Run 2013' sejauh 7 kilometer yang diadakan di dalam kampus, disini, kelmarin.

Menurut Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd Harun Abdullah, program yang dianjurkan oleh pelajar tahun akhir Sekolah Perniagaan dan Ekonomi melalui kursus Pengurusan Acara ini sejajar dengan inisiatif UMS dalam menjadikan Universiti itu sebagai Eco

Campus sejak Disember tahun lalu.

"Program 'Eco Campus, Eco Run 2013' ini dapat membantu pihak Universiti dalam menjadikan UMS sebagai sebuah kampus yang mengamalkan budaya pembelajaran dan kerjaya secara lestari di mana pelbagai aktiviti berunsurkaifi melestarikan alam sekitar diajarkan sama ada oleh para pelajar mahupun kakitangan UMS sendiri," katanya ketika menyampaikan ucapan perasmian Program 'Eco Campus, Eco Run 2013', di sin, kelmarin.

Katanya, sambutan menggalakkan yang diterima dari pelbagai pihak terhadap Program ini menunjukkan keprihatinan para pelajar, kakitangan dan masyarakat luar terhadap alam sekitar.

Juga, usaha pihak pengurusan yang melaksanakan aktiviti penanaman sauh tumbuhan bagi 50 peserta terawal yang sampai di garisan pernamat larian pula bukan sahaja mampu melahirkan insan yang sihat, malahan juga dapat melahirkan alam sekitar yang sihat untuk kehidupan bagi generasi akan datang.



TANAM POKOK ... Dr. Harun (dua dari kiri) dan Dr. Arsiah (kiri sekali) bersama tetamu yang lain menjalankan acara penanaman pokok sebagai simbolik perasmian 'Eco Campus, Eco Run 2013'.

Terdahulu, Dekan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Prof. Madya Dr. Arsiah Bahron berkata, pengajuran program seumpama ini merupakan satu tugas untuk pelajar Sekolah Perniagaan dan Ekonomi yang mengambil kursus elektif Pengurusan Acara.

Katanya, tugas ini sangat penting untuk melatih pelajar mengajurkan satu acara dan dijadikan sebagai pengalaman yang dapat diperlakukan semasa mereka memasuki alam pekerjaan nanti.

"Walaupun hanya 45 pelajar

yang mengambil kursus ini namun mereka mampu menujuhkan satu acara yang agak besar kerana ia melibatkan orang awam, pensyarah, kakitangan Universiti dan juga para pelajar," katanya.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMS, Datuk Dr. Kasim Md Mansur dan Pengarah Program 'Eco Campus, Eco Run 2013', Jason Yong. -OLEH BALQIS JAMALUDIN
[\(balqis@newsabah-times.com.my\)](mailto:(balqis@newsabah-times.com.my))